

Bpaginakan

Fenomena Budaya Selepas Aidilfitri

OLEH MABULMADDIN SHAIDDIN

M 3247 108

FOTO: PENULIS

Budaya Rakyat - Sabah

Setelah Aidilfitri, Aidiladha menjelang pula. Kedatangan kedua-dua hari besar ini amat dinantikan oleh umat Islam di seluruh negara.

Di Sabah, dua perayaan tersebut yang hanya berselang lebih kurang dua bulan setiap tahun telah mewujudkan suatu fenomena budaya yang amat menarik antara masyarakat Iranun dengan Kadazan-Dusun di bahagian Pantai Barat Utara. Fenomena budaya ini dinamakan *bpaginakan*.

Kata dasar perkataan *bpaginakan* ialah *maginakan* (berdasarkan bahasa Kadazan-Dusun) yang bermaksud "makan bersama-sama dalam jamuan atau kenduri". Tetapi masyarakat Iranun telah mengubah sedikit sebutannya kepada *bpaginakan* yang bermaksud "mengunjungi saudara ketika hari raya". Pengunjung daripada suku kaum Kadazan-Dusun datang secara rombongan dan menuju ke rumah yang biasa mereka kunjungi. Kedatangan

mereka adalah sebagai tanda persaudaraan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Masyarakat Iranun yang kebanyakannya beragama Islam (rata-rata mereka mendiami di 21 buah kampung di Kota Belud) menganggap aktiviti kunjungan ini sebagai suatu kebiasaan dalam hidup mereka. Manakala pengunjung daripada suku kaum Kadazan-Dusun yang kebanyakannya belum beragama (pagan), sanggup bersusah payah datang dari daerah Kudat, Matunggong, Bandau, dan dari kampung

sekitar Kota Belud seperti dari Kampung Timbang, Sarang, Taburan, Dudar dan Mantanau. Perbezaan latar budaya dan kepercayaan tidak menghalang kedua-dua suku kaum ini mewujudkan hubungan yang erat.

Ketika bertemu, mereka menggunakan sapaan akrab antara satu sama lain. Pengunjung daripada suku Kadazan-Dusun akan menggunakan sapaan *pagari* kepada tuan rumah, manakala tuan rumah pula akan menyapa tetamu dengan sapaan *tompinai*. *Tompinai* ialah bahasa Kadazan-Dusun, manakala *pagari* ialah bahasa Iranun. Kedua-dua perkataan tersebut bermaksud "saudara".

Suatu ketika dahulu, terutamanya tiga hari sebelum hari perayaan, pengunjung sudah berada di perkampungan masyarakat Iranun. Mereka berusaha datang seawal mungkin semata-mata tidak mahu melepaskan peluang



Suasana Tamu Selasa di Kampung Pandasan, Sabah.

untuk mengunjungi saudara mereka yang merayakan hari raya. Mereka membawa pelbagai barangan kraf tangan, pertukangan besi, hasil tanaman dan buah-buahan dari kampung mereka. Mereka menyimpannya dalam *barait* atau ambung yang sentiasa disangkutkan di belakang mereka. Barangan ini dibawa sebagai buah tangan untuk tuan rumah, dan sebagai balasan, tuan rumah akan menggantikan barangan yang dibawa itu dengan *panganan*, terutamanya kuih *pinjaram* dan makanan bermasak.

Sebelum kedatangan *tompinai*, tuan rumah sudah pun menyiapkan kuih-muih untuk menyambut hari raya. Menyedari akan kunjungan *tompinai* yang mungkin akan membawa keluarga mereka, kebiasaannya tuan rumah menyimpan beras untuk dijadikan tepung beras jika kuih *pinjaram* tidak mencukupi. *Pinjaram* merupakan kuih wajib setiap kali menyambut hari raya. *Tompinai* yang tiba lebih awal akan bermalam di rumah *pagarinya*. Mereka akan bersahur dan berbuka puasa bersama-sama dengan tuan rumah. Pada waktu siang, mereka akan menolong tuan rumah menumbuk tepung beras untuk hidangan pengunjung.

Pada musim buah-buahan, giliran suku kaum Iranun pula yang akan mengunjungi

tompinainya. Pengunjung daripada suku kaum Iranun akan membawa ikan kering, kuih-muih dan *tubau* (sejenis tenunan oleh suku kaum Iranun) sebagai buah tangan. Mereka akan bermalam di perkampungan Kadazan-Dusun selama dua atau tiga hari. Ketika mereka pulang, mereka akan membawa buah-buahan seperti durian, *tarap*,




Kuih *pinjaram*.

langsat dan rambutan. Jika pengunjung Iranun tidak dapat berkunjung ke perkampungan suku kaum Kadazan-Dusun, *tompinai* akan mengingatkan *pagarinya* supaya mereka dapat bertemu di Tamu Selasa di Pandasan atau Tamu Ahad di Kota Belud. Mereka akan membawa buah-buahan tersebut semata-mata untuk diserahkan kepada *pagari* yang meraikan mereka dahulu.

Aktiviti *bpaginakan* lebih

kepada memupuk persaudaraan antara kedua-dua suku kaum tersebut. Pada masa yang sama telah mewujudkan beberapa amalan lain seperti upacara *popol* dan *mikorot* yang bermaksud “menghiris sedikit pada bahagian tangan untuk mengeluarkan darah” (antara suku kaum Iranun dengan Kadazan-Dusun), dan kemudian menyapunya ke dahi sebagai tanda persaudaraan. Jika upacara *popol* atau *mikorot* dijalankan, hal ini bermakna seluruh keturunan kedua-dua belah pihak dianggap bersaudara kandung, dan tidak dibenarkan untuk berkahwin. Justeru terdapat *tompinai* yang memeluk agama Islam kerana terpicat dengan layanan yang mereka terima.

Kini budaya *bpaginakan* masih berjalan dengan baik tetapi tidaklah semeriah dahulu. Tidak dinafikan, kemajuan dan kemodenan telah mengubah suasana perayaan tersebut. **DB**



Tubau